



Mohd Asri Seman (kanan) menunjukkan sebahagian barangan yang dirampas, semalam.

## Gagal seludup e-waste, skrap logam RM4.4j

**Bentong:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang mematahkan cubaan menyeludup barangan e-waste dan skrap logam dari luar negara bernilai RM4.4 juta menerusi dua serbuan berasingan di Pelabuhan Klang, Selangor.

Pengarah Kastam Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan itu membabitkan tujuh kontena berisi barangan seludup itu seberat 152,486 kilogram.

Menurutnya, rampasan itu hasil risikan dan pemeriksaan dokumen meragukan dikemukakan pengimport.

“Semua barangan dirampas dipercayai diimport dari Amerika Selatan dan Jepun berdasarkan dokumen awal yang diperoleh,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, rampasan pertama membabitkan 46,726 kilogram barangan e-waste dilakukan jam 1.15 tengah hari, 21 Mei lalu selepas kastam menahan dan memeriksa tiga kontena di Pelabuhan Utara.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati barangan itu diimport tanpa permit sah dan diikrarkan secara tidak tepat.

“Anggaran nilai rampa-

san RM700,890 dan tiada cukai atau duti import,” katanya.

Beliau berkata, barangan e-waste adalah bahan larangan import bersyarat dan hanya dibenarkan atas kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Katanya, penyeludup mengikrarkan barangan itu sebagai *copper concentrate* untuk mengelak keperluan permit import.

Katanya, rampasan kedua pula membabitkan 105,760 kilogram komoditi *aluminium flakes* hasil pemeriksaan terhadap empat kontena di lokasi dan masa sama.